

## WAKTU SOLAT

Daerah Petaling dan kawasan yang sewaktu dengannya



SUBUH	SYURUK
05:50	07:12
ZUHUR	ASAR
13:23	16:45
MAGHRIB	ISYAK
19:30	20:44
IMSAK	05:40

## MUTIARA AL-QURAN



Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang kemudian Kami balut tulang- tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta

(Al-Mukminun ayat 14)

Sebarang cadangan & komentar sila e mailkan kepada kami di: [suarapiu@yahoo.com](mailto:suarapiu@yahoo.com) atau, hubungi kami di:

PUSAT ISLAM UNIVERSITI,  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,  
43400 UPM SERDANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN.  
TEL: 03-89468582  
FAKS: 03-89483742

## HEBAHAN &amp; MAKLUMAN



1. Imam / Khatib yang bertugas Juma'at minggu ini **26 Julai 2013 / 17 Ramadhan 1434H** : Drs Wan Aminurrashid bin Wan Abd Hamid.

2. Sesi Bacaan al-Quran & terjemahan sebelum Solat Fardhu Juma'at , **Ayat 12 - 20 Surah al-Fussilat** yang akan disampaikan oleh **Ustaz Muhammad Haikal bin Rosly** (Al-Quran) & (Terjemahan)

3. Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan pada 24-25 Ogos 2013 (Sabtu-Ahad) jam 8.00 pagi – 5.00 petang bertempat di Dewan Ibnu Sina, Pusat Islam Universiti, UPM. Yuran penyertaan staf RM70.00 /pelajar RM 60.00. Untuk Maklumat lanjut tuan/puan bolehlah menghubungi Ustazah Siti Rohani (03-8946 8582) atau Mohd Firdaus (03-8946 8582). Penyertaan terbuka kepada staf dan pelajar UPM sahaja.

3. Sempena di bulan Ramadhan Al-Mubarak, Pusat Islam Universiti dan Masjid UPM ingin mempelawa pihak tuan/puan yang budiman untuk turut sama merebut peluang kebajikan dalam menyumbang makanan atau tajaan. untuk mereka yang berbuka puasa di Bulan Ramadhan. Sebagai maklumat, sebahagian besar para jemaah yang menghadiri Majlis Berbuka Puasa setiap tahun adalah terdiri daripada mahasiswa/mahasiswi UPM, staf UPM, musafir dan penduduk setempat yang tinggal berhampiran dengan Masjid UPM. Jumlah sumbangan tajaan untuk berbuka puasa harian adalah sebanyak RM 1000 (sehari) untuk jamuan kira-kira 350 - 400 orang jemaah yang berbuka di Masjid UPM. Kepada sesiapa yang berminat untuk menyumbang makanan untuk berbuka puasa di Masjid UPM, bolehlah menghubungi kami di talian 03-8946 8582/ 8581. Sumbangan ikhlas boleh disalurkan melalui **(CIMB Bank), (Nombor Akaun 12150008695053: Akaun Aktiviti Ramadhan Masjid UPM)** dan emailkan slip pembayaran tersebut ke [ramadhanmasjidupm@gmail.com](mailto:ramadhanmasjidupm@gmail.com) atau [norhisyam@upm.edu.my](mailto:norhisyam@upm.edu.my) untuk tujuan resit.

## INFO RAMADHAN

## AHLAN WASAHLAN YA RAMADHAN

Pusat Islam Universiti dan Masjid UPM mengucapkan selamat menyambut Ramadhan al-Mubarak 1434H

Aktiviti menarik sepanjang bulan Ramadhan 1434H

- Solat Tarawih
- (diimamkan oleh pelajar Maahad Tahfiz Wal-Qiraat Pulau Chondong, Kelantan)
- Jamuan Berbuka Puasa (Setiap Hari)
- Agihan Bubur Lambuk (hari bekerja sahaja)
- Tazkirah Ramadhan (sebelum solat zuhur)
- Tadarus Al-quran
- Qiamullail dan Iktikaf 10 Malam Terakhir
- Kaunter Zakat Fitrah
- Infaq Ramadhan

ميمبر قوترا

# Mimbar Putra



RISALAH JUMAAT MINGGUAN MASJID UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Mimbar Putra/13/2013

" MALAM SERIBU BULAN "  
(Petikan Khutbah JAIS)

SEDUTAN KHUTBAH



Malam seribu bulan atau yang dimaksudkan sebagai lailatul qadr dalam al-Quran merupakan satu malam yang amat istimewa, yang dikurniakan oleh Allah SWT hanya kepada umat nabi Muhammad s.a.w. Sebagaimana disebutkan oleh Allah SWT dalam al-Quran surah al-Dukhan ayat 3 yang bermaksud :

*"Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hambahamba Kami ditimpa azab)".*

Lailatul qadar mengingatkan umat Islam tentang sejarah penting penurunan al-Quran. Pada malam ini, Allah SWT telah menurunkan al-Quran kepada nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia. Al-Quran ini mengandungi mukjizat terbesar yang menjadi panduan, hidayah dan pembimbing kepada manusia ke arah hidup yang lebih aman, sejahtera dan berkekalan hingga ke alam akhirat. Kita sebagai umat Islam perlu sentiasa berusaha untuk memahami dan menghayati isi-isi kandungan al-Quran dengan sebaik-baiknya. Dalam hal ini, Allah SWT telah berfirman dalam surah Sod ayat 29 yang bermaksud:

*"(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatNya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar".*

Dengan menghayati isi-isi kandungan al-Quran ini, jiwa kita akan merasa gementar terhadap ancaman Allah SWT ke atas orang-orang yang engkar, lantas akan mendorong kita untuk terus mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Ketaatan terhadap perintah-perintah Allah SWT ini akan menjadikan jiwa kita aman dan tenteram, bahkan dapat pula menjamin kebahagiaan hidup dunia akhirat.

Sesungguhnya lailatul qadar merupakan satu-satunya nikmat kurniaan Allah SWT yang amat besar ganjarannya tetapi tidak dijelaskan waktunya, supaya menjadi dorongan kepada kita untuk terus berlumba-lumba melakukan amal ibadah kepada Allah SWT. Namun agak malang apabila kita mendapati masih ramai umat Islam hari ini lebih sibuk dengan persiapan menyambut hari raya berbanding merebut peluang lailatul qadar yang datang hanya sekali dalam setahun. Padahal ganjaran yang ada di dalamnya jauh lebih baik jika dibandingkan dengan umur kita yang rata-ratanya tidak sampai pun seribu bulan. Justeru itu, anugerah lailatul qadar ini wajib disyukuri oleh setiap umat Islam sebagaimana juga anugerah alQuran.

Tanda kita mensyukuri nikmat kurniaan lailatul qadar adalah dengan cara menghidupkan malam-malam terakhir ramadan dengan amal-amal ibadat sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. Oleh kerana itu, dalam kesibukan kita membuat persiapan hari raya yang hampir tiba, tidak sewajarnya kita meninggalkan terus satu-satunya nikmat Allah SWT yang amat besar, iaitu lailatul qadar. Kita seharusnya bijak membahagikan masa untuk membuat persiapan hari raya dengan masa untuk beribadah kepada Allah SWT, terutamanya dalam usaha merebut lailatul qadar pada sepuluh malam yang terakhir ini. Dengan kebijaksanaan seperti ini, kita tidak akan ditinggalkan oleh lailatul qadar begitu sahaja, bahkan dalam masa yang sama juga, kita akan dapat menyambut hari raya dalam keadaan yang sempurna.

Saidatina Aisyah R.A ketika bertanya kepada baginda:

"Ya Rasulullah, apa pendapatmu jika aku mendapat Lailatul Qadar (mengetahui terjadinya), apa yang mesti aku ucapkan?"

Baginda menjawab yang bermaksud : "Ucapkanlah,

*"Ya Allah Engkau Maha Pengampun dan Mencintai orang yang meminta ampunan, maka ampunilah aku".*

(Riwayat at-Tarmizi)